

SOALAN NO: 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID

TARIKH: 8 OGOS 2017

SOALAN:

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah dan mekanisme Kerajaan untuk memantau transaksi kiriman wang ke luar negara oleh pekerja-pekerja asing di Malaysia.

PR-1352-L02614

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kewangan sedang memperhalusi mekanisme cadangan memantau transaksi kiriman wang ke luar negara oleh pekerja asing di negara ini dengan mengambil kira pandangan dan komen daripada semua Kementerian/Agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Peguam Negara, Bank Negara Malaysia, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.
2. Tujuan cadangan tersebut adalah untuk memantau dan memastikan pekerja asing menggunakan saluran rasmi atau sah dalam melakukan setiap transaksi kiriman wang ke luar negara melalui institusi-institusi atau ejen-ejen yang dilesenkan.
3. Selain itu, Kementerian Sumber Manusia turut mengadakan sesi konsultasi dengan pihak berkepentingan pada 16 Jun 2017 untuk mendapatkan maklum balas daripada persatuan majikan dan kesatuan pekerja mengenai cadangan tersebut.
4. Sehubungan dengan itu, kajian yang lebih mendalam sedang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kewangan dengan mengambil kira maklum balas daripada persatuan majikan dan kesatuan pekerja ke atas cadangan berkenaan.